

Headline	Kemudahan di Makkah dijamin terbaik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	24 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	16	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	290 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,780
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,340



# Kemudahan di Makkah dijamin terbaik

**Ipoh:** Lembaga Tabung Haji (TH) memberi jaminan, kemudahan disediakan agensi itu di Makkah ketika ini, adalah yang terbaik demi kebajikan serta keselesaan jemaah sepanjang mereka mengerjakan sepanjang ibadat haji.

Pengerusi TH, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim, berkata semua kakitangan TH diberi ingatan menjalankan tugas masing-masing sebaik mungkin, memastikan keperluan jemaah dipenuhi untuk membantu mereka menunaikan ibadat dengan sempurna.

"Keluarga dan waris tidak perlu khuatir kerana TH tidak berkompromi dengan aspek kesihatan serta kebajikan jemaah termasuk dalam penyediaan penginapan dan makan minum jemaah.

"Selain petugas TH, kita juga mempunyai ramai doktor dan klinik yang akan memantau kesihatan mereka di sana," katanya selepas menziarahi keluarga jemaah Malaysia, Hashim Abdul Latif, 60, di Kampung Regat Rapat Jaya, di sini, semalam.

Hashim adalah jemaah Malaysia kedua meninggal dunia di Makkah pada Sabtu lalu akibat masalah jantung ketika menerima rawatan di Klinik Maktab Rehab Al Janadriyah di Al Bisyarah Mawaddah, sebelum jenazahnya dikebumikan di Tanah

Perkuburan Ma'la.

## Serah bantuan khairat

## kepada waris

Dalam kunjungan itu, Abdul Aziz turut menyampaikan bantuan khairat kematian TH berjumlah RM1,500 kepada waris Hashim.

Beliau berkata, TH juga akan melaksanakan sistem haji badal (haji gantian) dengan mengupah wakil di Tanah Suci untuk melaksanakan ibadat itu kepada jemaah yang meninggal dunia.

Katanya, sempena musim haji kali ini, buat pertama kali TH menubuhkan kumpulan kebajikan khas yang menyelia dan menjaga kebajikan waris atau keluarga jemaah haji yang meninggal dunia atau terbabit dalam kemalangan sepanjang menunaikan ibadat itu.

"Jika ada kematian atau kemalangan menimpa jemaah haji, saya dan ahli Lembaga Pengarah TH lain akan turun memaklumkan kepada waris mereka. Usaha ini dibuat atas rasa tanggungjawab pengurusan TH kepada waris jemaah," katanya.

Sementara itu, anak lelaki tunggal Hashim, Hasrulnizam, 32, berkata arwah bapanya tidak mengalami sebarang masalah kesihatan dan kelihatan ceria sebelum berangkat ke Makkah.

"Arwah kuat berseloroh dan sering berdoa untuk tinggal lama di Makkah. Dia sering beritahu ingin membuka perniagaan di sana dan menjadi imam di Tanah Suci," katanya.

Headline	Kemudahan di Makkah dijamin terbaik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	24 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	16	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	290 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,780
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,340



**Abdul Azeez (tengah) bertanyakan sesuatu kepada Hasrulnizam** ketika melawat keluarga itu di Ipoh, semalam. [FOTO SUPIAN AHMAD/BH]